

KADAR BAYARAN DAN KESANGGUPAN UNTUK MEMBAYAR (WTP) DI DESTINASI PELANCONGAN TERPILIH DI KOTA BELUD, SABAH

PAYMENT RATE AND WILLINGNESS TO PAY (WTP) AT SELECTED TOURISM DESTINATIONS IN KOTA BELUD, SABAH

Jabil Mapjabil¹, Kasim Mansur², Harifah Mohd. Noor³, Nabila Farysha Dering⁴ &
Mohamad Pirdaus Yusoh⁵

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

²Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: kmansur@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: harifah@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: nabilafarysha97@gmail.com)

⁵Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
(E-mel: m.pirdaus@umt.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Jabil Mapjabil, Kasim Mansur, Harifah Mohd Noor, Nabila Farysha Dering & Mohamad Pirdaus Yusoh (2021). Kadar bayaran dan kesanggupan untuk membayar di destinasi pelancongan terpilih di Kota Belud, Sabah. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (36), 45 - 60.

Abstrak: Kota Belud adalah sebuah daerah luar bandar di Sabah yang memiliki banyak destinasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi. Walaupun daerah ini dikategorikan sebagai kawasan luar bandar, masih terdapat ramai pelancong yang sanggup datang kerana kebanyakan destinasi pelancongan di kawasan ini adalah berasaskan tarikan alam semula jadi. Justeru, artikel ini bertujuan untuk meneliti tentang kadar bayaran dan kaitannya dengan kesanggupan pelancong untuk membayar (WTP) di destinasi pelancongan terpilih di Kota Belud, Sabah. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan melibatkan penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang utama. Untuk itu, seramai 93 orang responden terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak empat destinasi pelancongan didapati mengenakan yuran bayaran masuk manakala tiga daripadanya tidak mengenakan sebarang bayaran untuk masuk ke premis pelancongan mereka. Bagi yuran perkhidmatan, semua destinasi pelancongan yang dikaji didapati mengenakan bayaran tersebut kepada pengunjung yang ingin menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Dua dari destinasi pelancongan yang dikaji pula mengenakan yuran aktiviti, iaitu Cabana Retreat dan Melangkap Nabalu Rafflesia. Seramai 53 orang (57%) responden berpendapat kadar bayaran yang dikenakan adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang disediakan. Ringkasnya, kajian WTP dan pelbagai bayaran yang dikenakan kepada pelancong dapat membantu pengusaha pelancongan dalam menambah baik fasiliti dan perkhidmatan premis pelancongan mereka.

Kata kunci: *Kesanggupan untuk Membayar, Kadar Bayaran, Destinasi Pelancongan*

Abstract: *Kota Belud is a rural district in Sabah that has many interesting tourist destinations to visit. Although the district is categorized as a rural area, there are still many tourists who are willing to come as most of the tourist destinations in the area are based on natural attractions. Thus, this article aims to examine the payment rate and its relationship with the willingness of tourists to pay (WTP) in selected tourist destinations in Kota Belud, Sabah. The research method used is a quantitative method by involving the use of questionnaires as the main research instrument. For that, a total of 93 respondents were involved in this study. The results showed that a total of four tourist destinations were found to charge an entrance fee while three of them did not charge any fee to enter their tourist premises. As for service fees, all tourist destinations surveyed were found to charge such fees to visitors who wish to use the services provided. Two of the tourist destinations studied charge activity fees, namely Cabana Retreat and Melangkap Nabalu Rafflesia. A total of 53 (57%) respondents thought that the fee charged was reasonable with the services provided. In short, the WTP study and the various fees charged to tourists can assist tour operators in improving the facilities and services of their tourism premises.*

Keywords: *Willingness to Pay, Payment Rates, Tourism Destinations*

Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang berkembang pesat di seluruh dunia. Kesanggupan untuk membayar atau *willingness to pay* (WTP) adalah antara aspek penting berkaitan dengan perkhidmatan dalam pelancongan. Hal ini kerana pelancongan adalah suatu aktiviti yang memerlukan bayaran apabila menggunakan satu-satu perkhidmatan. Kesanggupan untuk membayar biasanya digunakan untuk mengukur nilai '*non-market goods*' iaitu aktiviti yang berasaskan alam semula jadi seperti pelancongan (Baig et al., 2019). Dalam pelancongan, kesanggupan untuk membayar adalah bermaksud kesanggupan seseorang itu membayar bagi keadaan persekitaran atau penilaian terhadap sumber dan perkhidmatan alam semula jadi. Hal ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti persekitaran yang dapat memenuhi piawai yang diinginkan (Sofyan & Herlina, 2015). Hun dan Anuar (2014) pula mentakrifkan kesanggupan untuk membayar sebagai jumlah maksimum yang sanggup dibayar oleh pengunjung untuk menikmati kemudahan rekreasi. Kesiediaan seseorang untuk membayar lebih dapat diukur sama ada mereka sanggup membayar lebih bagi memperolehi barang dan perkhidmatan yang lebih baik. Secara umumnya, dalam pelancongan, antara yuran yang dikenakan kepada pelancong adalah yuran bayaran masuk ke destinasi pelancongan selain daripada yuran aktiviti dan yuran perkhidmatan (Jabil et al., 2020). Bayaran yuran yang dikenakan ini adalah dijadikan sebagai modal pulang balik oleh pengusaha pelancongan untuk menambak baik perkhidmatan dan fasiliti yang terdapat di destinasi pelancongan bagi tujuan kelesaian pelancong.

Tinjauan Literatur

Kesanggupan untuk Membayar dalam Pelancongan

Dalam pelancongan, terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar. Khan dan Vasilescu (2008) mengkaji berkaitan dengan WTP untuk perkhidmatan aktiviti rekreasi. Kajian ini dijalankan di dua taman rekreasi yang terdapat di Utara Pakistan,

iaitu di Tatara Park dan Barg-e-Naran Park yang terletak di Hayatabad, Peshwar. Dalam kajian ini, data dikutip pada bulan Mac sehingga April 2001. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 120 orang yang berkunjung ke dua-dua taman rekreasi tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi kesanggupan pengunjung untuk membayar di taman rekreasi dan mengenal pasti sama ada peningkatan faedah aktiviti rekreasi akan menyebabkan peningkatan dalam permintaan lawatan oleh pengunjung dengan bayaran yang lebih tinggi serta kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Untuk mengetahui nilai WTP serta faktor-faktor yang mempengaruhinya, satu analisis *multivariate* dijalankan untuk meneroka variasi dalam pengukuran kesanggupan pelancong untuk membayar. Hasil kajian menunjukkan bahawa kos perjalanan, pendapatan, jarak, pendidikan dan kualiti perkhidmatan rekreasi adalah signifikan dalam mempengaruhi kesanggupan untuk membayar responden.

Seterusnya, kajian oleh Mahboob et al. (2021) adalah berkaitan WTP dan pengenalpastian faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam pelancongan bandar di Lahore, Pakistan. Dalam kajian ini, seramai 250 orang pelancong terlibat dengan kajian borang soal selidik yang diedarkan. Kajian ini menggunakan kaedah penilaian kontigen (CVM) melalui soalan dengan pilihan jawapan 'ya' dan 'tidak' untuk menganggarkan kesanggupan seseorang pelancong itu untuk membayar. Dua analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah *One Binary Regression* dan *Ordinary Least Square (OLS)*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelancong sanggup membayar untuk tujuan pelancongan bandar. Selain itu, pelancong yang datang ke kawasan kajian mengakui bahawa mereka berminat untuk memperoleh kenangan, pengalaman dan pengetahuan dalam aktiviti lawatan di bandar Lahore, Pakistan. Hasil analisis yang dijalankan, jumlah pendapatan pelancong didapati menjadi faktor penentu dalam pelancongan bandar kerana jumlah kos adalah aspek yang diberikan perhatian utama oleh responden semasa melancong.

Manakala kajian oleh Cetin et al. (2017) adalah berkaitan dengan WTP bagi cukai pelancongan di Istanbul, Turki. Jumlah pendapatan yang dijana dari cukai pelancongan adalah salah satu sumber kewangan penting bagi memastikan kelestarian dalam pelancongan dan bagi meningkatkan fasiliti pelancongan yang sedia ada. Persepsi pelancong berkaitan WTP dan jumlah cukai yang dikenakan adalah penting bagi membolehkan sistem cukai yang cekap dan adil dapat diwujudkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan menemu bual pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Istanbul, Turki. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelancong cenderung untuk membayar sejumlah cukai tambahan, sekiranya kualiti perkhidmatan pelancongan juga ditingkatkan. Dalam kajian ini, majoriti responden yang ditemu bual adalah sanggup membayar dan aktiviti pelancongan mereka turut tidak terjejas walaupun kos percutian mereka meningkat sebanyak satu pertiga.

Kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar dalam pelancongan budaya dijalankan oleh Mahboob dan Ashfaq (2020) di Lahore, Pakistan. Kajian ini melibatkan 220 orang responden yang datang ke Lahore pada bulan November dan Disember pada tahun 2019. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelancong berminat untuk memperoleh kenangan, pengalaman dan pengetahuan yang baik serta bermakna melalui lawatan ini. Lebih 75% responden sanggup membayar untuk kebudayaan warisan kerana sikap positif mereka dan keinginan untuk melawat semula ke destinasi berkenaan. Hasil kajian ini menunjukkan jumlah pendapatan pelancong, nilai kos pelancongan dan kebimbangan terhadap alam sekitar adalah mempengaruhi kesanggupan pelancong untuk membayar. Seterusnya, kajian ini mengesyorkan implikasi praktikal untuk kegunaan pihak berkuasa.

Kajian turut dijalankan berkaitan dengan ekopelancongan oleh Sadikin et al. (2017). Kajian ini dijalankan di Taman Negara Gunung Rinjani (MRNP) yang bertujuan untuk menganalisis WTP dalam ekopelancongan di MRNP dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Untuk itu, kaedah penilaian kontinjen (CVM) digunakan untuk menentukan nilai WTP dan analisis regresi pula dilakukan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi nilai WTP tersebut. Hasil kajian menunjukkan nilai min WTP adalah US\$54.13 untuk pelancong antarabangsa untuk ekonomi ekopelancongan MRNP hasil daripada bayaran tiket masuk adalah sebanyak AS\$1,208,79 setahun atau Rp14.50 bilion setahun. Manakala nilai min bagi WTP untuk pelancong domestik pula adalah Rp40,650 dengan nilai ekonomi ekopelancongan MRNP hasil daripada bayaran tiket masuk adalah Rp883,202,550. Faktor-faktor yang mempengaruhi WTP kedua-dua pelancong antarabangsa dan domestik ini adalah pendidikan, pendapatan, ahli keluarga, keaktifan dalam organisasi alam sekitar dan pengetahuan mengenai ekopelancongan.

Di Malaysia, Muhd Azrin dan Mahirah (2020) melakukan penyelidikan tentang kesanggupan pelancong untuk membayar bagi pemuliharaan tapak warisan dunia di Melaka. Kajian ini dijalankan bagi meneroka isu berkaitan dengan sistem pengurusan untuk pemuliharaan Tapak Warisan Dunia (UNESCO) di bangunan Stadthuys, Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah penilaian kontinjen (CVM), iaitu dengan penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang utama. Sebanyak 100 borang soal selidik diedarkan kepada komuniti tempatan dan pelancong domestik yang datang melawat ke kawasan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden sanggup membayar RM8.82. Nilai ini adalah lebih tinggi berbanding dengan bayaran semasa yang dikenakan iaitu RM5.00. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kesedaran yang tinggi untuk pemeliharaan Tapak Warisan Dunia di bangunan Stadthuys, Melaka. Hasil kajian ini perlu dipertimbangkan oleh pihak berwajib bagi mewujudkan bandar bersejarah yang lebih lestari.

Di Sabah, Andy et al. (2017) menjalankan kajian terhadap pelawat yang mengunjungi Pusat Rekreasi Kionsom (KRC), Kota Kinabalu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kadar yuran bagi tahap perkhidmatan pusat rekreasi tersebut. Hal ini kerana pendapatan yang terkumpul melalui yuran bayaran masuk tidak dapat menampung kos penyelenggaraan dan pemuliharaan ekosistem di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian WTP dijalankan ke atas pelancong untuk meneliti kesanggupan untuk membayar oleh pelancong bagi kadar yuran baharu dan menentukan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pusat rekreasi berkenaan. Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang berkunjung ke Pusat Rekreasi Kionsom. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesanggupan untuk membayar adalah dipengaruhi oleh jantina, umur dan jarak antara tempat responden berada dengan pusat rekreasi tersebut. Min yang bagi jumlah maksimum WTP pelawat yang datang ke KRC adalah sebanyak RM2.89. Selain itu, responden bersetuju bahawa bayaran yuran yang dikumpulkan dapat digunakan untuk tujuan pembangunan dan menambah lebih banyak aktiviti rekreasi yang sedia ada.


Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian berkaitan dengan kadar bayaran dan kesanggupan untuk membayar ini adalah tinjauan dan kajian kes. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menilai dan meneliti kadar bayaran yang dikenakan oleh pengusaha pelancongan, kepelbagaian jenis bayaran, kesesuaian kadar bayaran yang dikenakan dan cadangan responden untuk kadar bayaran yang patut dikenakan. Untuk itu, seramai 93 orang responden dipilih secara rawak dalam kajian ini. Menurut Sharma (2017), kaedah pemilihan secara rawak adalah merupakan kaedah yang

berkesan dan tepat kerana setiap populasi yang dipilih adalah mempunyai peluang yang sama untuk dijadikan sebagai responden.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian terletak di daerah Kota Belud, Sabah. Kota Belud merupakan daerah yang terletak di bahagian Pantai Barat, Sabah. Jarak daerah ini ke Kota Kinabalu adalah sekitar 70 kilometer ataupun bersamaan dengan satu jam setengah perjalanan dengan menggunakan kereta. Daerah ini mempunyai beberapa kampung seperti Kampung Rampayan, Kampung Siasai, Kampung Sembirai, Kampung Pirasan, Kampung Kulambai dan Kampung Kelawat. Antara destinasi pelancongan yang dikaji di daerah Kota Belud adalah Polumpung Melangkap View Campsite (PMVC), Cabana Retreat, Melangkap Nabalu Rafflesia, Tambatuon Homestead, Ekopelancongan Melangkap Tiong, Aura Raudhah Village Beach dan Nahandang Melangkap Homestay and Campsite (Rajah 1).



Rajah 1: Lokasi Destinasi Pelancongan Terpilih di Kota Belud, Sabah

Dapatan Kajian

Profil Demografik Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografik responden yang berkunjung ke Kota Belud, Sabah. Seramai 52 orang responden (55.9%) adalah penduduk tempatan dan 41 orang (44.1%) pelancong domestik. Dari segi jantina dan status perkahwinan pula, jumlah responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki, iaitu masing-masing dengan 59 orang (63.4%) dan 34 orang (36.5%). Namun begitu, responden bujang adalah lebih ramai iaitu 85 orang (91.4%) berbanding mereka yang telah berkahwin iaitu lapan orang (8.6%). Untuk umur responden, majoriti responden berumur 21 hingga 30 tahun, iaitu sebanyak 82 orang (88.2%) diikuti dengan yang berumur antara 51-50 tahun dengan seramai empat orang (4.3%) dan

responden yang berumur antara 31 sehingga 40 tahun pula adalah seramai tiga orang (3.3%). Responden yang berumur 20 tahun ke bawah dan 50 tahun ke atas masing-masing seramai dua orang (2.2%). Seterusnya, hasil kajian menunjukkan majoriti responden memiliki pendidikan tinggi seperti ijazah, iaitu seramai 47 orang (50.5%), diikuti dengan pendidikan pra-universiti atau diploma iaitu seramai 33 orang (35.5%) dan pendidikan menengah adalah seramai 12 orang (12.9%). Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar, iaitu seramai 73 orang (78.5%). Selain itu, responden yang bekerja di sektor swasta adalah seramai lapan orang (8.5%) dan sektor awam pula seramai lima orang (5.5%).

Jadual 1: Profil Demografik Responden

Ciri Demografik	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Kategori Responden	Penduduk tempatan	52	55.9
	Pelancong domestik	41	44.1
Jantina	Lelaki	34	36.5
	Perempuan	59	63.4
Status Perkahwinan	Bujang	85	91.4
	Berkahwin	8	8.6
Umur	20 tahun ke bawah	2	2.2
	21 - 30 tahun	82	88.2
	31 - 40 tahun	3	3.3
	41 - 50 tahun	4	4.3
	50 tahun ke atas	2	2.2
Tahap Pendidikan	Pendidikan rendah	1	1.1
	Pendidikan menengah	12	12.9
	Pendidikan prauniversiti / diploma	33	35.5
	Pendidikan tinggi	47	50.5
Pekerjaan	Sektor awam	5	5.5
	Sektor swasta	8	8.9
	Berkerja sendiri	3	3.3
	Peniaga / usahawan	1	1.1
	Pelajar	73	78.5
	Suri rumah	3	3.3

Ciri-Ciri Kunjungan Responden

Bahagian ini menjelaskan tentang ciri-ciri kunjungan responden ke Kota Belud, Sabah. Untuk jenis kunjungan, majoriti responden yang melawat destinasi pelancongan di lokasi kajian adalah bersama rakan iaitu 80 orang (86.0%), diikuti bersama keluarga iaitu seramai 10 orang (10.8%) dan bakinya pula bersama pasangan, iaitu seramai tiga orang (3.2%). Seterusnya, seramai 44 orang (47.3%) berkunjung ke lokasi kajian untuk tujuan melancong atau bercuti manakala seramai 42 orang (45.2%) datang untuk tujuan lawatan sambil belajar atau pendidikan. Selain itu, terdapat enam orang (6.5%) responden berkunjung untuk lain-lain tujuan dan hanya satu orang (1.1%) datang atas tujuan menghadiri bengkel atau kursus. Terdapat tiga kaedah pengurusan kunjungan ini, majoritinya adalah diurus secara persendirian iaitu 62.4%

(58 orang), manakala 34.4% (32 orang) diurus oleh institusi, jabatan atau syarikat dan selebihnya sebanyak 3.2% (tiga orang) adalah diurus oleh agensi pelancongan. Bagi sumber maklumat berkaitan destinasi pelancongan di daerah Kota Belud, sebanyak 45.2% (42 orang) mendapat maklumat daripada rakan atau kenalan, 43.0% (40 orang) adalah memperoleh maklumat dari sumber media sosial, 5.4% (5 orang) daripada ahli keluarga, 4.3% (empat orang) dari risalah atau majalah pelancongan dan bakinya sebanyak 2.2% (dua orang) mendapat maklumat dari lain-lain sumber. Dari segi penggunaan mod pengangkutan, kebanyakan responden menggunakan kenderaan persendirian iaitu seramai 39 orang (41.9%) manakala seramai empat orang (4.3%) menggunakan kenderaan pakej pelancong seperti bas dan van. Selain itu, masing-masing seramai 25 orang (26.9%) pula menggunakan lain-lain mod pengangkutan (seperti bas sekolah, kolej atau universiti) dan kenderaan yang disewa. Untuk jenis penginapan pula, majoriti responden yang datang ke lokasi kajian tidak menginap, iaitu seramai 45 orang (48.4%). Seterusnya, seramai 40 orang responden (43.0%) pula menginap di *homestay*, seramai enam orang (6.5%) menginap di rumah kenalan atau sanak saudara dan bakinya seramai dua orang (2.2%) menginap di motel atau hotel. Bagi anggaran bajet yang digunakan semasa melawat ke lokasi kajian, majoriti responden memperuntukkan bajet sebanyak RM100 dan ke bawah, iaitu seramai 72 orang (77.4%).

Jadual 2: Ciri-Ciri Kunjungan Responden

Ciri Kunjungan	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Jenis kunjungan	Bersama keluarga	10	10.8
	Bersama pasangan	3	3.2
	Bersama rakan (institusi, jabatan dll.)	80	86.0
Tujuan utama ke destinasi pelancongan	Melancong / bercuti	44	47.3
	Lawatan sambil belajar / pendidikan	42	45.2
	Menghadiri bengkel / kursus / kem jati diri	1	1.1
	Lain-lain	6	6.5
Cara pengurusan kunjungan	Diurus secara persendirian	58	62.4
	Diurus oleh agensi pelancongan	3	3.2
	Diurus oleh institusi / jabatan / syarikat	32	34.4
Sumber maklumat tentang destinasi pelancongan	Media sosial	40	43.0
	Ahli keluarga	5	5.4
	Rakan / kenalan	42	45.2
	Risalah / majalah pelancongan	4	4.3
	Lain-lain	2	2.2
Mod pengangkutan	Kenderaan persendirian (kereta/van dll.)	39	41.9
	Kenderaan sewa (kereta/van dll.)	25	26.9
	Kenderaan pakej pelancong (bas/van dll.)	4	4.3
	Lain-lain	25	26.9

Jenis penginapan	<i>Homestay</i>	40	43.0
	Motel / hotel	2	2.2
	Rumah sanak saudara / rakan kenalan	6	6.5
	Tidak menginap	45	48.4
Anggaran bajet yang digunakan	RM 100 dan ke atas	72	77.4
	RM 101-RM 200	10	10.8
	RM 201-RM 300	6	6.5
	RM 301-RM 400	4	4.3
	RM 401 dan ke atas	1	1.1

Kadar Bayaran dan Kesanggupan untuk Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Kota Belud, Sabah

Penjelasan tentang konsep kadar bayaran dan kesanggupan membayar di destinasi pelancongan ini diteliti daripada empat aspek, iaitu (i) kriteria jenis bayaran yang dikenakan; (ii) nilai kadar bayaran yang dikenakan di tujuh destinasi pelancongan terpilih; (iii) pendapat terhadap kadar bayaran masuk yang dikenakan dan (iv) cadangan untuk kadar bayaran masuk yang perlu dikenakan.

Kriteria Jenis Bayaran yang Dikenakan kepada Pengunjung

Jadual 3 menunjukkan tiga jenis bayaran yang dikenakan oleh pengusaha, iaitu bayaran masuk ke lokasi pelancongan, bayaran untuk aktiviti yang dilakukan sepanjang ada di situ dan bayaran perkhidmatan yang dikenakan dalam kawasan pelancongan yang dikunjungi. Tujuan mengenal pasti ketiga-tiga jenis bayaran ini adalah untuk menentukan jumlah keseluruhan bayaran yang dikenakan kepada seseorang pelancong apabila berkunjung masuk ke satu-satu destinasi pelancongan berbayar.

Jadual 3: Jenis Bayaran yang Dikenakan oleh Pengusaha Destinasi Pelancongan

Jenis Bayaran	Frekuensi	Peratus (%)
Yuran bayaran masuk	53	57.0
Yuran bayaran aktiviti	16	17.2
Yuran bayaran perkhidmatan	56	60.2

Untuk masuk ke destinasi pelancongan, seramai 53 orang responden (57.0%) mengakui perlu membayar yuran sebelum mereka dibenarkan masuk ke lokasi berkenaan. Bilangan membayar masuk ini melibatkan hanya sebahagian sahaja jumlah responden kerana terdapat beberapa lokasi pelancongan ini tidak mengenakan sebarang bayaran masuk, contohnya Tambatuon Homestead dan Aura Raudhah Village Beach. Namun begitu, hanya 16 orang (17.2%) responden melakukan aktiviti berbayar ketika berkunjung ke satu-satu destinasi pelancongan. Untuk itu, mereka dikenakan yuran bayaran aktiviti. Sebagai contohnya, di Melangkap Nabalu Rafflesia, terdapat aktiviti *hiking* yang disediakan oleh pengusaha pelancongan. Bayaran yuran bagi aktiviti ini adalah sebanyak RM65 perkumpulan iaitu seramai 5 sehingga 6 orang *hikers*. Dengan membayar yuran sebanyak RM65, seseorang itu akan mendapat sijil, insurans, paket makanan tengah hari dan perkhidmatan seorang *guide*. Seterusnya, seramai 56 orang responden (60.2%) pula membayar yuran perkhidmatan. Di Polumpung Melangkap View Campsite (PMVC), antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti sewaan khemah bagi pengunjung

yang ingin bermalam dan sewaan *bbq pit*. Selain itu, PMVC turut menyediakan beberapa peralatan dan kemudahan lain seperti bantal, selimut dan *sleeping bag*.

Menurut Bladon (2019), tujuan bayaran dikenakan di destinasi pelancongan adalah untuk mempromosikan objektif sosial seperti rekreasi dan pendidikan, selain dapat digunakan untuk tujuan pengurusan pelancongan. Kunci utama dalam penetapan nilai bayaran di destinasi pelancongan adalah seperti polisi daripada pihak kerajaan, struktur penetapan harga, proses sosial dan aspek keselamatan. Lazimnya, semua bayaran yang dikenakan di kawasan pelancongan adalah dikenakan perkepala, perkenderaan atau mengikut satu tempoh masa yang ditetapkan.

Kadar Bayaran yang Dikenakan kepada Pengunjung di Destinasi Pelancongan

Jadual 4 menunjukkan kadar bayaran yuran yang dikenakan kepada pengunjung dan pelancong di destinasi pelancongan terpilih di Kota Belud, Sabah.

Jadual 4: Kadar Bayaran Tiket Masuk mengikut Kategori Yuran

Lokasi	Jenis Kategori Bayaran Yuran	Harga
Polumpung Melangkap View Camp Site (PMVC)	Yuran masuk	RM3
	Yuran bermalam	RM6
	Yuran perkhidmatan (sewaan)	
	Khemah	
	2 pax	RM10
	4 pax	RM20
	6 pax	RM30
	8 pax	RM40
	<i>Sleeping bag</i>	RM5
	Bantal	RM3
	<i>Air mattress</i>	RM10
	Tikar	RM3
	Meja	RM5
	Kerusi	RM1
	<i>Portable gas</i>	RM15
	<i>Babeque pit</i>	RM10
	Kanopi	RM15
	Kipas	RM5
	Fasiliti	
	<i>Kitchen hut</i>	RM40
<i>Multipurpose hut</i>	RM40	
<i>Multipurpose hut (20x40)</i>	RM80	
<i>Traditional bamboo hut</i>	RM40	
Cabana Retreat	Yuran masuk	RM5
	Yuran aktiviti	
	Memandu ATV	10 minit/RM30 30 minit/RM80
	Berbasikal	10 minit/RM5 30 minit/RM10

<i>River Cruise & Fireflies</i> (Dewasa)	RM75
<i>River Cruise & Fireflies</i> (Kanak-Kanak)	RM65
Yuran perkhidmatan	
Penginapan (khemah)	
<i>Quad tent</i>	
1. <i>Value Deal</i>	
• Hari biasa	RM210
• Hujung minggu	RM220
2. <i>Stay & Dine In</i>	
• Hari biasa	RM299
• Hujung minggu	RM312
<i>Deluxe Queen</i>	
1. <i>Value Deal</i>	
• Hari biasa	RM210
• Hujung minggu	RM220
2. <i>Stay & Dine In</i>	
• Hari biasa	RM 299
• Hujung minggu	RM312
<i>Classic Tent</i>	
1. <i>Value Deal</i>	
• Hari biasa	RM150
• Hujung minggu	RM165
2. <i>Stay & Dine In</i>	
• Hari biasa	RM219
• Hujung minggu	RM229
<i>Deluxe Single</i>	
1. <i>Value Deal</i>	
• Hari biasa	RM150
• Hujung minggu	RM165
2. <i>Stay & Dine In</i>	
• Hari biasa	RM219
• Hujung minggu	RM229
<i>Romantic Tent</i>	
1. <i>Value Deal</i>	
• Hari biasa	RM175
• Hujung minggu	RM185
2. <i>Stay & Dine In</i>	
• Hari biasa	RM249
• Hujung minggu	RM261

Melangkap Nabalu Rafflesia	Yuran masuk	
	1. Warganegara (Dewasa)	RM3
	2. Warganegara (12-16 tahun)	RM2
	3. Warganegara (kanak-kanak)	Free
	4. Bukan warganegara (Dewasa)	RM6
	5. Bukan warganegara (12-16 tahun)	RM4
	Yuran bermalam	
	1. Warganegara (Dewasa)	RM6
	2. Warganegara (12-16 tahun)	RM4
	3. Bukan warganegara (Dewasa)	RM12
	4. Bukan warganegara (12-16 tahun)	RM8
	Yuran aktiviti	
	<i>Hiking (Bukit Melangkap) (1-5 hikers + 1 guide)</i>	RM65/Kumpulan
	Yuran perkhidmatan	
	Sewaan khemah 4 pax & 8 pax	RM20 & RM40
Kanopi (kerusi + meja)	RM15/3 jam	
<i>Traditional Home</i>	RM 45 semalam	
	RM20 (siang)	
Dewan	RM30/2 jam	
Dapur (tong gas dll.)	RM30-RM50	
<i>Homestay & rumah</i>	RM70-RM180 & RM395-RM450	
<i>Karaoke set</i>	RM50/2 jam	
Bantal, selimut & tikar	RM3	
<i>Babeque pit</i>	RM10	
Unggun api	RM20	
Tiub/pelampung	RM3-RM5/3 jam	
Tambatuon Homestead	Yuran masuk	Percuma
	Yuran perkhidmatan	
	<i>Standard family</i>	RM100
	<i>Standard queen</i>	RM40
	<i>Standard double decker</i>	RM 25 perkepala
Ekopelancongan Melangkap Tiong	Yuran masuk	RM3
	Yuran perkhidmatan	
	Makanan ikan	RM1
Aura Raudhah Village Beach	Yuran masuk	Percuma
	Yuran perkhidmatan	
	1. Penginapan	
	Chalet Piramid	RM80 & RM100
	Chalet Kotak Biru	RM160
	Chalet Kotak Pink	RM180
	Selimut	RM5
	Bantal	RM5
	Tuala	RM5
	Katil <i>single</i> 1 set	RM30
	Tilam <i>single</i> 1 set	RM20

Nahandang Melangkap Homestay & Campsite	Yuran masuk Yuran perkhidmatan	RM3
	<i>Campsite + camp</i>	RM6 & RM10
	<i>Twin queen bed</i>	RM180/malam
	<i>Twin single</i>	RM80/malam
	<i>Queen bed</i>	RM75/malam

Berdasarkan Jadual 4, kadar bayaran masuk ke Polumpung Melangkap View Campsite (PMVC) adalah RM3 dan RM6 bagi pengunjung yang bermalam di tapak perkhemahan tersebut. Bagi yuran perkhidmatan pula, tapak perkhemahan ini menawarkan beberapa perkhidmatan sewaan seperti sewaan khemah dan sewaan fasiliti. Harga sewaan khemah yang ditawarkan adalah berdasarkan saiz khemah. Sebagai contoh, harga sewaan khemah yang boleh memuatkan lapan orang pengunjung adalah RM40 semalam. PMVC turut menawarkan sewaan bantal (RM3) dan *sleeping bag* (RM5) kepada pengunjung yang bermalam di kawasan perkhemahan tersebut. Selain itu, PMVC menyediakan perkhidmatan sewaan fasiliti seperti pondok kepada pengunjung. Misalnya, harga sewaan bagi *multipurpose hut* adalah RM40. Bagi pengunjung yang ingin menjalankan aktiviti seperti *babeque* pula, pihak pengurusan PMVC menyediakan perkhidmatan sewaan *bbq pit* kepada pengunjung dengan harga RM10 sahaja.

Untuk berkunjung ke Cabana Retreat pula, harga bayaran yuran masuk adalah RM5. Terdapat banyak aktiviti yang ditawarkan di Cabana Retreat seperti memandu ATV, aktiviti berbasikal dan aktiviti melihat kunang-kunang serta *river cruise*. Bagi yuran aktiviti seperti berbasikal dan memandu ATV, harga bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan tempoh masa seseorang itu melakukan aktiviti tersebut. Harga bayaran bagi aktiviti melihat kunang-kunang pula adalah berbeza mengikut peringkat umur. Sebagai contohnya, bayaran yuran bagi melihat kunang-kunang dan *river cruise* bagi orang dewasa adalah RM75. Selain itu, Cabana Retreat menyediakan penginapan berbentuk khemah bagi pengunjung yang ingin menginap di situ. Terdapat lima jenis penginapan di Cabana Retreat, iaitu *quad tent*, *deluxe queen*, *classic tent*, *single deluxe* dan *romantic tent*. Harga bayaran bagi penginapan ini adalah berbeza mengikut jenis dan pakej yang ditawarkan. Misalnya, jika seseorang itu memilih penginapan jenis *romantic tent*, harga bayaran penginapan tersebut adalah berbeza mengikut pakej, iaitu sama adalah pakej biasa atau pakej yang disertakan dengan makan dan minum. Selain itu, pakej yang ditawarkan ini turut disertakan dengan aktiviti seperti memandu ATV, melihat kunang-kunang dan aktiviti *river cruise*.

Seterusnya, kadar bayaran yuran masuk ke Melangkap Nabalua Rafflesia (MNF) adalah berdasarkan kategori pengunjung. Untuk pengunjung warganegara Malaysia berumur 17 tahun dan ke atas dikenakan bayaran masuk RM3 manakala yang berumur 16 tahun sehingga 12 tahun pula sebanyak RM2 seorang. Pengunjung bukan warganegara yang berumur 17 tahun ke atas dikenakan bayaran masuk RM6 manakala yang berumur 16 tahun sehingga 12 tahun pula sebanyak RM4 seorang. Bagi yuran bermalam di Melangkap Nabalua Rafflesia pula, bayaran yuran bermalam bagi warganegara berumur 17 tahun dan ke atas adalah RM6 manakala bagi yang berumur 16 tahun sehingga 12 tahun pula adalah RM4. Seterusnya, yuran bermalam bagi pengunjung bukan warganegara yang berumur 17 tahun ke atas adalah RM12 manakala bagi yang berumur 16 tahun-12 tahun adalah RM8. Aktiviti yang ditawarkan di Melangkap Nabalua Rafflesia pula adalah *hiking* ke Bukit Melangkap dengan yuran RM65 seorang. Antara perkhidmatan berbayar yang disediakan oleh MNF pula adalah seperti sewaan khemah, dewan dan kemudahan rumah serta *homestay*. Kemudahan lain yang disediakan seperti pada Jadual 4.

Antara destinasi pelancongan lain yang boleh dikunjungi di Kota Belud adalah Tambatuon Homestead. Destinasi pelancongan ini tidak mengenakan sebarang yuran masuk kepada pengunjung. Sebaliknya, hanya mengenakan yuran penginapan sahaja. Harga bayaran bagi penginapan *standard family* adalah RM100 dan *standard queen* pula RM40 manakala harga bayaran penginapan bagi *standard double decker* adalah RM25 seorang.

Destinasi pelancongan yang seterusnya adalah Eekopelancongan Melangkap Tiong. Yuran masuk yang dikenakan kepada pengunjung yang datang ke destinasi pelancongan ini adalah RM3 bagi semua peringkat umur dan status kewarganegaraan. Aktiviti yang boleh dibuat di kawasan pelancongan ini adalah memberi makan ikan dengan membeli makanan ikan yang dijual pada harga RM1 oleh pengusaha pelancongan.

Seterusnya, Aura Raudhah Village Beach tidak mengenakan sebarang bayaran yuran masuk kepada pengunjung. Destinasi pelancongan ini hanya mengenakan yuran penginapan kepada pengunjung yang menginap di sini. Harga bayaran penginapan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jenis penginapan. Harga penginapan bagi Chalet Pyramid adalah RM80 dan RM100, Chalet Kotak Biru pula adalah RM160 dan harga penginapan Chalet Kotak Pink adalah RM180. Aura Raudhah Village Beach turut menyediakan sewaan keperluan yang lain seperti selimut, bantal dan tuala.

Destinasi pelancongan terakhir dalam kajian ini adalah Nahandang Melangkap Homestay & Campsite (NMHC). Yuran masuk ke tapak perkhemahan ini adalah RM3. Bayaran yuran bagi tapak khemah dan khemah di NMHC adalah RM16. Bayaran bagi penginapan seperti bilik pula adalah dikenakan berdasarkan kepada jenis bilik. Bagi bilik jenis *twin queen bed*, bayaran yang dikenakan adalah RM180 dan bilik jenis *twin single* adalah RM80 manakala bayaran bagi jenis bilik *queen bed* adalah RM75. Kesemua bayaran ini adalah dikenakan permalam kepada pengunjung yang datang dan bermalam di destinasi pelancongan tersebut.

Kesesuaian Kadar Bayaran yang Dikenakan kepada Pengunjung

Jadual 5 menunjukkan pendapat responden terhadap kesesuaian kadar bayaran yang dikenakan untuk memasuki satu-satu destinasi pelancongan di lokasi kajian. Setiap responden perlu memberikan satu jawapan sahaja. Daripada 93 orang yang ditemu bual, seramai 90 orang memberikan respons manakala 3 orang tidak memberikan jawapan untuk soalan ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 53 orang (57%) menyatakan bahawa kadar bayaran yang dikenakan adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang disediakan manakala seramai 25 orang (26.9%) pula menyatakan bahawa kadar bayaran adalah berpatutan dengan aktiviti yang disediakan. Sebaliknya, seramai 12 orang (13%) pula menyatakan bahawa kadar bayaran yang dikenakan adalah mahal.

Hasil kajian ini adalah disebabkan perbezaan profil demografik responden terutamanya dari aspek pendapatan. Kajian oleh Sadikin et al. (2017) mendapati bahawa faktor demografik seperti pendidikan dan pendapatan adalah mempengaruhi kesanggupan seseorang itu untuk membayar. Terdapat faktor lain yang mempengaruhi kesanggupan pelancong untuk membayar seperti pendapat ahli keluarga, keaktifan dalam organisasi alam sekitar dan pengetahuan mengenai sesebuah destinasi pelancongan. Menurut Moyib et al. (2016), jumlah yang dibayar secara berkelompok, jumlah yang harus dibayar oleh setiap pelancong dan kesedaran terhadap alam sekitar mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesanggupan pelancong untuk membayar.

Jadual 5: Kesesuaian Kadar Bayaran yang Dikenakan kepada Pengunjung

Pernyataan	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Kadar bayaran adalah berpatutan dengan aktiviti yang disediakan	25	26.9
Kadar bayaran adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang disediakan	53	57
Kadar bayaran dikenakan adalah mahal	12	13
Tidak menjawab	3	3.1
Jumlah	93	100

Cadangan untuk Kadar Bayaran yang Perlu Dikenakan Kepada Pengunjung

Daripada 93 orang yang menjawab soal selidik yang diedarkan, terdapat empat cadangan yang telah diberikan oleh responden. Hasil kajian menunjukkan seramai 43 orang (46.2%) responden mencadangkan bahawa kadar bayaran yuran yang sedia ada perlu dikekalkan. Seterusnya, seramai 14 orang (15.1%) mencadangkan agar pengusaha pelancongan yang tidak mengenakan bayaran masuk perlu mengenakan yuran masuk kepada pengunjung yang datang ke premis pelancongan mereka. Cadangan lain adalah mengurangkan kadar bayaran terutamanya kepada golongan pelajar, iaitu bersamaan dengan 11 orang (11.8%). Cadangan terakhir adalah menaikkan kadar bayaran yuran yang sedia ada iaitu sembilan orang responden (9.7%).

Jadual 6: Cadangan Responden untuk Kadar Bayaran yang Perlu Dikenakan Kepada Pengunjung

Cadangan	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Menaikkan kadar bayaran yuran	9	9.7
Mengenakan bayaran yuran masuk di destinasi pelancongan yang tidak mengenakan yuran masuk	14	15.1
Mengekalkan kadar bayaran yang sedia ada	43	46.2
Mengurangkan kadar bayaran terutamanya pelajar	11	11.8
Tidak menjawab	16	17.2
Jumlah	93	100

Buckley (2006) berpendapat bahawa kadar bayaran yang dikenakan kepada pelancong dapat mengubah tingkah laku mereka seperti memilih aktiviti atau destinasi pelancongan yang lain. Ini adalah selaras dengan kajian beliau iaitu kesan bayaran yuran masuk kepada tingkah laku pelancong. Dalam hal ini, pelancong yang berpendapatan rendah cenderung untuk memilih aktiviti atau destinasi pelancongan yang mengenakan kadar bayaran yang rendah. Namun, Burns dan Grarfae (2006) berpendapat bahawa bayaran yuran pada tahap sederhana adalah tidak mempengaruhi tingkah laku pelancong yang berpendapatan rendah. Oleh itu, terdapat penyelidik yang mencadangkan bahawa bayaran yuran dan kesan yang akan timbul perlu dipertimbangkan kerana hal itu berhubung dengan faktor lain seperti ciri pengunjung, kualiti perkhidmatan dan cara bayaran yuran dibayar (Buckley, 2006; Garrod & Fyall, 2000).

Kesimpulan

Kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar (WTP) adalah perlu dijalankan bagi mengetahui maklum balas dan tahap kepuasan pengunjung terhadap kadar bayaran yang dikenakan di destinasi pelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden menyatakan bahawa kadar bayaran adalah berpatutan dan berbaloi dengan tahap perkhidmatan yang disediakan di destinasi pelancongan. Dalam hal ini, bayaran yang dikenakan kepada pelancong dapat membantu para pengusaha pelancongan untuk menambah baik fasiliti dan perkhidmatan pelancongan yang sedia ada. Ini dapat menarik kedatangan pelancong yang lebih ramai ke satu-satu destinasi pelancongan pada masa akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana NIC (SDN), 2019 bertajuk “Pola Tingkah Laku dan Pemetaan Ruang Keluaran Pelancong Berdasarkan Faktor Kuasa Beli dan Kesanggupan Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Negeri Sabah”. Kod geran SDN 0033-2019.

Rujukan

- Andy Russel Mojiol, Ziyad Zamri, Muhammad Azrul Hilmi & Maskir Gitom. (2017). Visitors' willingness to pay (WTP) at Kionsom recreation centre, Inanam, Kota Kinabalu, Sabah. *Transactions on Science and Technology*, 4(2), 174-182.
- Baig, A., Ul Haq, Z., Iqbal, J. & Amin, M. Y. (2019). Estimating willingness to pay for parks: Evidence from a developing country. *Pakistan Journal of Commerce and Social Sciences (PJCSS)*, 13(4), 1057-1067.
- Bladon, A. (2019). *Tourism Entrance and Activity Fee*. Swiss Confederation. Federal Office for The Environment FOEN.
- Buckley, R. (2006). Pay to play in parks: An Australian policy perspective on visitor fees in public protected areas. *Journal of Sustainable Tourism*, 11(1).
- Burns, R. C. & Graefe, A. R. (2006). Toward understanding recreation fees: Impacts on people with extremely low income levels. *Journal of Park and Recreation Administration*, 24(2), 1-20.
- Cetin, G., Alrawadieh, Z., Dincer, M. Z., Istanbulu Dincer, F. & Ioannides, D. (2017). Willingness to pay for tourist tax in destinations: Empirical evidence from Istanbul. *Economies*, 5(2), 21.
- Garrod, B., & Fyall, A. (2000). Managing heritage tourism. *Annals of Tourism Research*, 27(3), 682-708.
- Hun S. D. & Anuar Alias. (2014). Willingness to pay for public ecotourism services in Malaysia. Faculty of Built Environment, University of Malaya.
- Jabil Mapjabil, Kasim Mansur, Datu Razali Datu Eranza, Harifah Mohd Noor, Najib Bahari & Nabila Farysha Dering (2020). Kadar bayaran dan kesanggupan untuk membayar (WTP) di destinasi pelancongan terpilih di Kundasang-Ranau, Sabah. *International Journal of Modern Trends in Business Research*, 3(13), 36-52.
- Khan, H. & Vasilescu, G.L. (2008). The willingness to pay for recreational services: An empirical investigation with the application of multivariate analysis of two public parks in Northern Pakistan.
- Mahboob, M. H. & Ashfaq, M. (2020). Tourist's Attitude Towards Cultural Heritage and Their Willingness to Pay for Visitation: A Case Study of Lahore-Pakistan.

- Mahboob, M. H., Ashfaq, M., Humayon, A. A. & Akhtar, K. S. (2021). Tourist's willingness to pay for urban tourism: Determining the factors of their visit. *Journal of Urban Culture Research*, 22, 80-91.
- Moyib, F. R., Ojo, O. S., & Ayodele, I. A. (2016). Willingness to pay for ecotourism in OyanLake, Nigeria. *Almatourism - Journal of Tourism, Culture and Territorial Development*, 7 (13), 95-106.
- Muhd Azrin Shah Razali dan Mahirah Kamaluddin (2020). Domestic visitors' willingness to pay (WTP) for the preservation of world heritage site, Stadthuys, Melaka, Malaysia. *Journal of Undergraduate Research*, 2(2).
- Sadikin, P. N., Multasih, S., Pramudya, B., & Arifin, H. S. (2017). Analisis willingness to pay pada ekowisata Taman Nasional Gunung Rinjani. *Jurnal Analisis Kebijakan Kehutanan*, 14 (1), 31-46.
- Sharma, G. (2017). Pros and cons different sampling technique. *International Journal of Applied Research* 2017, 3(7): 749-752.
- Sofyan Syahnur & Herlina (2015). Visitors' willingness to pay for local tourist attractions in Sabang based on Travel Cost Method. *IJABER*, 13(7), 5677-5701.